

KEMPEN Perayaan Faedah SIFAR 12 Bulan PINJAMAN PERIBADI HONG LEONG

TEMPOH KEMPEN

1. Kempen Perayaan Faedah **SIFAR** 12 Bulan Pinjaman Peribadi Hong Leong Bank Berhad (“HLB”) (“Kempen”) akan bermula dari 01 Jun 2017 hingga 31 Ogos 2017, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT (T&S)

T&S Kempen adalah seperti berikut.

KELAYAKAN

2. Kempen terbuka kepada semua individu warga Malaysia (“Pelanggan”) yang
 - a. berumur antara 21 - 60 tahun;
 - b. berpendapatan minimum Ringgit Malaysia Dua Puluh Empat Ribu (RM24,000) setahun;
 - c. memohon Pinjaman Peribadi Hong Leong baharu berjumlah minimum Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000.00) dan sehingga Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Ribu (RM250,000.00) (“Kemudahan”) bertempoh lima (5) tahun SAHAJA (“Tempoh Kemudahan”), secara terus melalui laman web HLB di www.hlb.com.my (“Laman Web HLB”) dalam Tempoh Kempen; dan
 - d. menerima Kemudahan sebelum tamatnya Tempoh Kempen dan Kemudahan dibayar pada atau sebelum 30^{hb} September 2017.
3. Individu berikut **TIDAK** layak menyertai Kempen ini:
 - a. kakitangan HLB atau Hong Leong Islamic Bank Berhad (“HLISB”), sama ada secara tetap atau kontrak, kakitangan mana-mana wakil atau ejen HLB dan HLISB (termasuk juruaudit luar, vendor, pembekal, ejen pengiklanan dan Kempen) dan ahli-ahli keluarga terdekat mereka masing-masing (iaitu pasangan, anak-anak, ibu atau bapa, adik-beradik);
 - b. pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB atau telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen oleh sama ada bank atau mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen;
 - c. pelanggan yang telah melakukan, atau dipastikan oleh HLB berpotensi melakukan mana-mana kesalahan yang disebutkan di dalam ini akan dilucutkan kelayakannya serta-merta daripada menyertai Kempen; dan
 - d. pelanggan bukan individu.

KAEDAH KEMPEN

4. Pelanggan Layak yang menyertai Kempen akan berhak menerima:

- a. kadar Faedah SIFAR 12 Bulan akan menjimatkan 12 bulan faedah kena bayar bagi Kemudahan ini (“Pulangan Tunai”) sepanjang Tempoh Kemudahan selama lima (5) tahun selaras dengan T& S di bawah;
- b. kad petrol (“Kad Petrol”) bernilai Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50.00) apabila Kemudahan dibayar; dan
- c. sejumlah 150 Kad Petrol akan diberikan sepanjang Tempoh Kempen ini.

A. KADAR FAEDAH SIFAR

- i. Kadar Faedah SIFAR 12 Bulan dikira seperti berikut:

Amaun Pembiayaan	Tempoh Kemudahan (tahun)	Kadar Faedah (setahun)	Faedah Kena Bayar selama 5 tahun / 60 bulan	Faedah Kena Bayar 12 Bulan	Jumlah Faedah Kena Bayar dengan Kempen ini	Pulangan Tunai
5,000	5	12.50%	3,125	625	2,500	625
10,000	5	12.50%	6,250	1,250	5,000	1,250
20,000	5	12.50%	12,500	2,500	10,000	2,500
30,000	5	12.50%	18,750	3,750	15,000	3,750
40,000	5	12.50%	25,000	5,000	20,000	5,000
50,000	5	12.50%	31,250	6,250	25,000	6,250

- ii. Pelanggan Layak yang membayar amaun ansuran bulanan untuk Kemudahan pada atau sebelum tarikh matang setiap bulan dalam Tempoh Kemudahan akan berhak menerima Pulangan Tunai.
- iii. Bank akan memberitahu Pelanggan Layak melalui surat kepada alamat pos terkini mengikut rekod HLB.
- iv. Pulangan Tunai akan dibayar secara bulanan dengan Pulangan Tunai pertama dibayar selepas ansuran bulanan ketujuh (ke-7) dijelaskan oleh Pelanggan Layak. Pulangan Tunai yang dibundarkan kepada Ringgit Malaysia Satu (RM1) yang terhampir akan dikreditkan ke dalam akaun Kemudahan Pelanggan Layak yang masih aktif dan sah satu (1) hari selepas tarikh matang ansuran bulanan.
- v. Pulangan Tunai terakhir berserta dengan segala pelarasan disebabkan pembayaran pumbundaran sebelumnya akan dibayar enam (6) bulan sebelum ansuran akhir Kemudahan dijelaskan oleh Pelanggan Layak.
- vi. Pulangan Tunai bulanan akan dianggap sebagai bayaran pendahuluan dalam akaun Kemudahan.
- vii. Bagi mengelakkan keraguan, sekiranya sebarang ansuran bulanan tidak dijelaskan dengan segera atau bayaran tertinggal dalam Tempoh Kemudahan, maka kelayakan untuk Pulangan Tunai akan diberhentikan dengan serta-merta.
- viii. Pelanggan Layak bertanggungjawab memberitahu HLB secara bertulis tidak kurang dari satu (1) bulan dari tarikh matang ansuran bulanan ketujuh (ke-7) dan/atau bulan-bulan seterusnya yang menyusul sekiranya Pulangan Tunai bulanan tidak diterima, jika gagal, Pelanggan Layak dianggap telah menerima Pulangan Tunai daripada HLB dan sebarang pertikaian selepas itu tidak akan dilayan oleh HLB.

- ix. Kelayakan Pelanggan Layak untuk menerima Pulangan Tunai akan dilucutkan dan bayaran Pulangan Tunai seterusnya akan ditamatkan serta-merta apabila berlaku salah satu perkara berikut:
- I. Pelanggan Layak gagal menjelaskan mana-mana ansuran bulanan bagi Kemudahan sebelum tarikh matang, atau apa-apa jumlah lain yang terhutang di bawah Kemudahan apabila diminta oleh HLB;
 - II. Notis penyelesaian awal diberi oleh Pelanggan Layak sebelum matangnya Tempoh Kemudahan; atau
 - III. Pelanggan Layak telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa penipuan atau kesalahan berkaitan dengan penggunaan Kemudahan.

B. KAD PETROL

5. Kad Petrol akan dihantar kepada alamat pos Pelanggan Layak sepertimana yang terdapat dalam rekod HLB sebelum akhir bulan berikut selepas tarikh pembayaran pinjaman.

Hadiah Bulanan

6. Sebanyak tiga (3) Kad Petrol (“bernilai Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh (RM250.00) setiap satu (“Hadiah Bulanan”) akan disediakan untuk dimenangi Pelanggan Layak yang telah dipilih dan ditapis selepas tamat Tempoh Pembayaran pinjaman sepertimana dipaparkan dalam jadual di bawah, dengan syarat keperluan yang ditetapkan di dalam ini telah dipenuhi:

Keterangan	Tempoh Pembayaran (termasuk Kedua-dua Tarikh)	Hadiah Bulanan	Bil. Pemenang
Tempoh Pembayaran 1	1 Jun 2017 – 15 Julai 2017	Kad Petrol bernilai RM250.00	Satu (1)
Tempoh Pembayaran 2	16 Julai 2017 – 31 Ogos 2017	Kad Petrol bernilai RM250.00	Satu (1)
Tempoh Pembayaran 3	1 September 2017 – 30 September 2017	Kad Petrol bernilai RM250.00	Satu (1)

7. Kad Petrol hanya boleh digunakan untuk membeli minyak daripada mana-mana stesen petrol PETRONAS yang ada di Malaysia.

Pemilihan & Syarat Hadiah Bulanan

8. Sepuluh (10) Pelanggan Layak akan dipilih dan ditapis secara rambang selepas tamat Tempoh Pembayaran sepertimana dipaparkan dalam jadual dalam fasal 6 di atas (“Peserta Terpilih”), masing-masing “Peserta Terpilih”).
9. Peserta Terpilih akan dihubungi secara rambang oleh pihak penyedia perkhidmatan lantikan HLB, iaitu Dynamic Search Sdn. Bhd. (No. Syarikat 136574V) (“Dynamic Search”) atas dasar usaha terbaik melalui nombor telefon terkini yang diberi oleh Peserta Terpilih sepertimana terdapat dalam rekod HLB sebanyak DUA KALI pada bila-bila masa dalam waktu pejabat (9:00 pagi hingga 5:00 petang) antara Isnin hingga Jumaat (kecuali hari kelepasan am) untuk sesi soal jawab untuk menjawab dua (2) soalan.
10. Jika Peserta Terpilih berkenaan gagal menjawab panggilan telefon selepas lima (5) deringan atas apa jua sebab sekalipun, maka Peserta Terpilih itu dianggap telah terlepas peluang untuk memenangi Hadiah Bulanan dan pihak Dynamic Search mempunyai hak mutlak untuk menghubungi Peserta Terpilih yang lain.
11. Peserta Terpilih pertama yang berjaya menjawab kedua-dua soalan dengan betul bagi setiap tempoh pembayaran adalah pemenang Hadiah Bulanan (“Pemenang Hadiah Bulanan”).
12. Sekiranya kesemua Peserta Terpilih yang dipilih untuk sesuatu Tempoh Pembayaran tertentu gagal menjawab kedua-dua soalan dengan betul, maka lima (5) lagi Pelanggan Layak bagi Tempoh Pembayaran tersebut akan dipilih secara rambang (“Peserta Terpilih Tambahan”) selaras dengan fasal 9 hingga 11 di atas.
13. Jika kesemua Peserta Terpilih Tambahan bagi sesuatu Tempoh Pembayaran tertentu juga gagal menjawab kedua-dua soalan dengan betul, maka kaedah yang sama seperti fasal 12 di atas akan digunakan oleh Dynamic Search sehingga Hadiah Bulanan itu dimenangi.

14. Hadiah Bulanan akan dihantar kepada alamat pos Pemenang Hadiah Bulanan sepertimana terdapat dalam rekod HLB sebelum 31 Oktober 2017.
15. Bagi mengelakkan keraguan, setiap Pelanggan Layak hanya berhak memenangi Hadiah Bulanan **sekali sahaja** sepanjang Tempoh Kempen.

UMUM

16. Dengan menyertai Kempen, Pelanggan:
 - a. bersetuju bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi T & S;
 - b. bersetuju untuk melayari Laman Web HLB dari semasa ke semasa untuk menyemak T& S dan untuk memastikan sentiasa mengikut apa-apa perubahan atau pindaan kepada T & S;
 - c. bersetuju bahawa keputusan HLB atas semua hal berkaitan dengan Kempen adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pelanggan dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan tersebut tidak akan dilayani; dan
 - d. bersetuju bahawa mereka bertanggungjawab dan akan menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Kempen.
17. HLB berhak untuk:
 - a. menolak atas budi bicara mutlaknyanya sebarang permohonan Pinjaman Peribadi yang dikemukakan tanpa memberikan sebarang sebab;
 - b. melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan atas budi bicara mutlaknyanya daripada menyertai Kempen; dan
 - c. menambah, menggugurkan atau meminda T & S yang terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui terbitan di dalam Laman Web HLB.
18. T & S di dalam ini dan terma dan syarat Kemudahan hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, maka T & S tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
19. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T & S di dalam ini berbanding dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen, maka terma dan syarat yang diterbitkan di dalam Laman Web HLB akan dianggap muktamad dan diutamakan.
20. T & S di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditakrifkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.
21. Perkataan yang menandakan satu jantina adalah termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal adalah termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.